1.	J. Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan	i. Tempoh masa daripada penerimaan invois sehingga pembayaran dibuat – 14 hari bekerja.
1.	K. Pengurusan Aduan dan Maklum Balas Pelanggan Pengurusan Aduan dan Maklum Balas Pelanggan	i. Tempoh masa daripada penerimaan aduan sehingga aduan diselesaikan dan dimaklumkan kepada pelanggan – 15 hari bekerja. ii. Menjalankan dua (2) kajian untuk mengetahui kepuasan pelanggan dan keberkesanan promosi dalam masa setahun.
1.	L. Penyelenggaraan Aset ICT Penyelenggaraan Aset ICT <i>(Corrective Maintenance)</i>	i. Tindakbalas dalam tempoh masa dua (2) jam selepas penerimaan aduan.

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA MK-PERB-01	MUKA SURAT	: 19 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011

3.4 Penerangan Mengenai Sistem Pengurusan Kualiti

Sistem Pengurusan Kualiti Pengurusan Kewangan Negara adalah meliputi Proses Penyediaan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan, Pengurusan Pinjaman Kerajaan Persekutuan, Penyediaan Laporan Ekonomi, Pengurusan Latihan Kewangan, Pengurusan Pelupusan Aset Alih Kerajaan dan Pengurusan Kereta Konsesi.

a. **Penyediaan Buku Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan**

Bahagian Analisa Cukai (BAC) bertanggungjawab menyediakan Buku Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Tahunan untuk dibentangkan semasa Belanjawan Negara. BAC akan mendapatkan maklumat anggaran kutipan hasil daripada Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkaitan bagi tujuan penyediaan Buku Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan. Buku Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan mengandungi kutipan hasil sebenar tahun sebelum, anggaran hasil disemak tahun semasa dan anggaran hasil tahun hadapan. Buku Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan ini akan dibentangkan di Parlimen sebelum ianya digunakan sebagai rujukan oleh pihak yang berkaitan mengenai Hasil Kerajaan Persekutuan.

b. **Latihan Pengurusan Kewangan *In-Situ* dan *Hands-On***

Pelaksanaan program Latihan Pengurusan Kewangan (LPK) telah dimulakan sejak tahun 2001 adalah lanjutan daripada teguran Jemaah Menteri mengenai beberapa kelemahan yang dibangkitkan oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan tahunannya terhadap pengurusan kewangan sektor awam. Program LPK adalah dilaksanakan secara *In-Situ* dan *Hands-On* yang memberikan penekanan kepada kemahiran kerja sebenar secara praktikal.

Langkah pertama dalam pelaksanaan program LPK adalah merangka Rancangan Latihan Tahunan (RLT) untuk semua Kementerian dan SUK Negeri berdasarkan kajian teguran Ketua Audit Negara dalam Laporan Tahunannya ke atas Kementerian/Kerajaan Negeri serta maklum balas

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA MK-PERB-01	MUKA SURAT	: 20 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011

daripada semua Kementerian dan Kerajaan Negeri yang diterima sehingga akhir tahun sebelumnya. RLT merangkumi anggaran kos, bilangan kursus yang diperlukan serta kumpulan sasar untuk program LPK berdasarkan Anggaran Belanja Mengurus yang telah ditetapkan bagi tahun semasa. Setelah itu, program LPK di kendali dan diselaraskan mengikut piawaian dan Rancangan Latihan Tahunan yang telah ditetapkan.

Akhirnya, bagi menilai keberkesanan program LPK, Laporan Penilaian Pengendalian Kursus disediakan berdasarkan maklum balas dan penilaian yang dibuat oleh para peserta bagi setiap kursus yang dijalankan. Selanjutnya, Laporan Tahunan LPK akan disediakan berdasarkan laporan-laporan Penilaian Kursus ini. Di samping itu, kajian dan pengemaskinian kandungan/nota kursus selain soalan-soalan ujian dan latih amal turut dilaksanakan berdasarkan peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa. Dalam hal ini, fokus **value-add** pelaksanaan program LPK akan diteruskan di masa hadapan supaya dapat mempertingkatkan tahap kecekapan pengurusan kewangan di Agensi kerajaan pusat dan negeri.

c. **Pengurusan Pinjaman Kerajaan Persekutuan**

Kerajaan melalui Perbendaharaan Malaysia menyediakan sejumlah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun bagi membiayai projek-projek dibawah Dasar Pembangunan Negara serta projek-projek infrastruktur Kerajaan. Pengeluaran peruntukan ini dibuat melalui Pengurusan Pinjaman Kerajaan Persekutuan yang melibatkan pemprosesan pinjaman Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Syarikat MKD, Syarikat Swasta dan Konsesi. Proses ini bermula dengan penerimaan permohonan untuk mendapatkan pinjaman sehingga bayaran dibuat kepada peminjam. Pemantauan ke atas pinjaman yang telah dikeluarkan pula akan memastikan pinjaman yang telah disalurkan mematuhi terma dan syarat seperti yang termaktub di dalam perjanjian. Pemantauan akan dibuat secara

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 21 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011
		MK-PERB-01	

berterusan sepanjang tempoh pinjaman. Proses terakhir dalam Pengurusan Pinjaman Kerajaan Persekutuan ini ialah penyelarasan dan penyeliaan kutipan bayaran balik pinjaman yang telah dikeluarkan. Ia bertujuan bagi memastikan kesemua pinjaman Kerajaan Persekutuan dijelaskan sepenuhnya mengikut jadual bayaran balik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia secara sistematik.

d. Penyediaan Laporan Ekonomi Tahunan

Perbendaharaan Malaysia menyediakan Laporan Ekonomi Tahunan pada setiap tahun. Laporan ini disediakan dalam dua versi iaitu dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris yang mengandungi beberapa bab meliputi rangka kerja makroekonomi, unjuran hasil, anggaran belanjawan dan kedudukan pinjaman kerajaan. Laporan Ekonomi Tahunan ini akan dicetak dan diedarkan bersama-sama Buku Anggaran Belanjawan Tahunan semasa pembentangan Belanjawan Tahunan di Dewan Rakyat. Maklumat yang terkandung di dalam Laporan Ekonomi ini dijadikan rujukan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat semasa perbincangan Belanjawan Tahunan. Maklumat tersebut juga menjadi rujukan kepada penyelidik-penyelidik ekonomi, pihak universiti dan orang perseorangan.

e. Pengurusan Permohonan Pelupusan Aset Alih Kerajaan

Pengurusan Permohonan Kelulusan Pelupusan Aset Alih Kerajaan bermula dengan penerimaan permohonan daripada Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan. Permohonan yang lengkap dan memenuhi keperluan yang ditetapkan akan dikemukakan untuk kelulusan mengikut kuasa melulus yang ditetapkan. Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan akan dimaklumkan mengenai keputusan permohonan.

f. Pengurusan Kereta Konsesi

Kerajaan telah menandatangani Perjanjian Konsesi dengan SPANCO Sdn. Bhd. (SPANCO) pada 30 Oktober 1993 untuk membekalkan kereta,

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 22 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
	MK-PERB-01	TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011

saloon kepada Kementerian/ Jabatan Persekutuan. Tempoh Perjanjian Konsesi tersebut adalah selama 25 tahun yang akan tamat pada 31 Disember 2018. Unit Kemudahan Kenderaan (Unit DS 5), Seksyen Dasar Saraan Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan menerima permohonan pembekalan Kereta Rasmi Jawatan dan Kereta Jabatan daripada Kementerian/ Jabatan Persekutuan dan memastikan pengurusan (termasuk pengendalian pembaikan) kereta konsesi dilaksanakan dengan teratur. Unit DS 5 turut memantau pelaksanaan pengurusan kereta konsesi oleh SPANCO melalui mesyuarat dan pemeriksaan mengejut ke atas Pusat Servis Diiktiraf SPANCO. Unit DS 5 turut memproses permohonan pembelian Kereta Rasmi Jawatan semasa bersara yang diterima daripada pegawai yang layak.

3.5 Pelanggan Sistem Pengurusan Kualiti

Pelanggan Sistem Pengurusan Kualiti Perbendaharaan Malaysia adalah seperti di para 2.7.

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 23 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011
	MK-PERB-01		

BAHAGIAN 4 – DASAR DAN PRINSIP ASAS SISTEM PENGURUSAN KUALITI

Seksyen 4 – Sistem Pengurusan Kualiti

4.1 Keperluan Am

Perbendaharaan Malaysia mewujudkan, mendokumen, melaksana serta menyelenggara Sistem Pengurusan Kualiti selaras dengan kehendak MS ISO 9001:2008. Perbendaharaan Malaysia juga memberi tumpuan kepada peningkatan secara berterusan terhadap keberkesanan organisasinya.

Untuk itu Perbendaharaan Malaysia :-

- a. Menentukan proses-proses yang terlibat dalam Pengurusan Kewangan Negara;
- b. Menentukan turutan dan hubungkait di antara proses-proses ini menerusi **Carta A (seperti Lampiran I)**;
- c. Menentukan kriteria dan kaedah yang perlu ada bagi memastikan proses-proses dalam Sistem Pengurusan Kualiti yang diwujudkan serta kawalan ke atas proses-proses tersebut sentiasa berkesan;
- d. Menyediakan sumber dan maklumat yang diperlukan untuk pelaksanaan dan pemantauan proses-proses tersebut;

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA MK-PERB-01	MUKA SURAT	: 24 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011

- e. Memantau, mengukur (dimana sesuai) dan menganalisis proses-proses ini melalui Audit Dalam, Kajian Semula Pengurusan, aduan dan maklum balas daripada pelanggan serta pemantauan oleh pegawai-pegawai yang dipertanggungjawabkan; dan
- f. Melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu bagi memastikan pencapaian matlamat yang dirancang dan membuat penambahbaikan yang berterusan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti.

Perbendaharaan Malaysia akan mengawal perkhidmatan yang *dioutsourced* iaitu pengendalian latihan anggota oleh penceramah jemputan (PS.PERB - 05), pengendalian latihan *In-Situ* dan *Hands-On* kepada agensi kerajaan oleh penceramah jemputan (PK.PERB (LPK) – 01 - 04), pelantikan syarikat SPANCO untuk membekalkan kereta saloon kepada Kementerian/Jabatan Persekutuan (PK.PERB (K) - 01 - 04) serta pelantikan Percetakan Nasional Berhad bagi mencetak Buku Laporan Ekonomi (PK.PERB (E) – 01) dan Buku Anggaran Hasil

Kerajaan Persekutuan. Kaedah dan sejauh mana kawalan ini diperlukan dikenal pasti dalam Sistem Pengurusan Kualiti. Sungguhpun proses ini *dioutsourced*, Perbendaharaan Malaysia akan bertanggungjawab ke atas pematuhan kepada semua kehendak pelanggan, keperluan undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

Dokumen Berkaitan

PK.PERB (BAC) - 01	-	Penyediaan Buku Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan
PK.PERB (E) - 01	-	Penyediaan Laporan Ekonomi Tahunan
PK.PERB (LPK) - 01- 02	-	Latihan Pengurusan Kewangan <i>In-Situ</i> dan <i>Hands-On</i>
PK.PERB (K) - 01 - 04	-	Pengurusan Kereta Konsesi
PS.PERB - 05	-	Pengurusan Latihan

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA		MUKA SURAT	: 25 / 68
			NO. KELUARAN	: 02
			NO. PINDAAN	: 00
	MK-PERB-01		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011

4.2 Keperluan Dokumentasi

4.2.1 Am

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Perbendaharaan Malaysia adalah berasaskan kepada 4 peringkat dokumen iaitu:

- a. Manual Kualiti ;
- b. Prosedur Kualiti ;
- c. Dokumen Sokongan ; dan
- d. Rekod Kualiti

a. Manual Kualiti

Dokumen yang mengandungi dasar dan objektif organisasi, penerangan ringkas mengenai Sistem Pengurusan Kualiti termasuk bagaimana seksyen-seksyen dalam Standard MS ISO 9001:2008 dipatuhi.

b. Prosedur Kualiti

Dokumen yang menggariskan tujuan dan turutan langkah dalam proses kerja bagi melaksanakan sesuatu aktiviti dengan terperinci dari aspek bagaimana dan mengapa ianya dilaksanakan, bila, di mana dan siapa yang melaksanakannya. Prosedur Kualiti terbahagi kepada dua iaitu Prosedur Kualiti Proses Utama dan Prosedur Kualiti Pengurusan dan Sokongan.

c. Dokumen Sokongan

Dokumen yang menjadi rujukan dan panduan serta perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah didokumenkan dalam dokumen kualiti.


	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 26 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		MK-PERB-01	TARIKH KUATKUASA

d. Rekod Kualiti

Rekod-rekod yang menunjukkan kepatuhan kepada Sistem Pengurusan Kualiti yang diwujudkan.

Struktur dokumen kualiti ini digambarkan di **Rajah 1** berikut :

RAJAH 1



HIERARKI DOKUMENTASI

Menerangkan :

- Dasar dan objektif kualiti.
- Sistem Pengurusan Kualiti mengikut Seksyen-Seksyen dalam standard MS ISO 9001 : 2008 dan dasar mengenainya.

Menerangkan : -

- Proses-proses yang dijalankan bagi pelaksanaan SPK.
- Bagaimana sesuatu tugas dijalankan secara terperinci.

Menerangkan : -

- Dokumen yang menyokong pelaksanaan SPK seperti Pekeliling, Arahan Perbendaharaan dan Garis Panduan.

Menerangkan : -

- Rekod yang wujud hasil pelaksanaan SPK dan menunjukkan kepatuhan kepada SPK.

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 27 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011
		MK-PERB-01	

4.2.2 Manual Kualiti

Perbendaharaan Malaysia menyediakan Manual Kualiti yang mengandungi perkara-perkara berikut:

- Dasar dan Objektif Kualiti;
- Skop Sistem Pengurusan Kualiti seperti di para 3.1 dalam Bahagian 3;
- Penyataan mengenai justifikasi bagi keperluan standard yang tidak dimasukkan dalam Sistem Pengurusan Kualiti, jika berkaitan;
- Rujukan kepada prosedur-prosedur yang diwujudkan dalam Sistem Pengurusan Kualiti Perbendaharaan Malaysia seperti yang dinyatakan dalam seksyen 4.1 hingga 8.5.3 di dalam Bahagian 4 ; dan
- Penyataan dan kaitan antara proses-proses seperti yang dinyatakan dalam **Carta A** dalam Seksyen 4.1.

Dokumen Berkaitan

MK - PERB - 01	-	Manual Kualiti Perbendaharaan Malaysia
PK. PERB (BAC) - 01	-	Penyediaan Buku Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan
PK. PERB (P) - 01	-	Pengurusan Pinjaman Kerajaan Persekutuan
PK. PERB (E) - 01	-	Penyediaan Laporan Ekonomi Tahunan
PK. PERB (LPK) 01 - 02	-	Latihan Pengurusan Kewangan <i>In-Situ</i> dan <i>Hands-On</i>
PK. PERB (A) - 01	-	Pengurusan Permohonan Pelupusan Aset Alih Kerajaan
PK. PERB (K) - 01 - 04	-	Pengurusan Kereta Konsesi
PS.PERB - 01 - 12	-	Pengurusan dan Sokongan

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 28 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
	MK-PERB-01	TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011

4.2.3 Kawalan Dokumen

Dokumen kualiti yang dikawal di dalam Sistem Pengurusan Kualiti ialah :

- Manual Kualiti;
- Prosedur Kualiti; dan
- Dokumen Sokongan

Dokumen-dokumen ini dikawal melalui cara berikut :

Dokumen Baru

- Dokumen kualiti yang perlu dikawal ialah Manual Kualiti, Prosedur Kualiti dan Dokumen Sokongan;
- Wakil Pengurusan bertanggungjawab memastikan dokumen-dokumen kualiti yang dirujuk dalam Sistem Pengurusan Kualiti adalah yang terkini dan ditempatkan di lokasi yang mudah dirujuk oleh mereka yang terlibat;
- Manual Kualiti diluluskan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, manakala Prosedur Kualiti diluluskan oleh Wakil Pengurusan;
- Setiap keluaran Manual Kualiti diberikan identifikasi dan dicatatkan nombor keluaran, nombor pindaan dan tarikh. Manakala bagi Prosedur Kualiti pula, diberikan identifikasi dan dicatatkan nombor keluaran dan tarikh;
- Pemegang dokumen dan nombor kawalan salinan dikenalpasti melalui Senarai Edaran;
- Dokumen-dokumen kualiti dalam bentuk *hard copy* hanya diedarkan kepada pemegang-pemegang dokumen yang disenaraikan dalam Senarai Edaran dan dokumen-dokumen ini dicop dengan **SALINAN TERKAWAL**. Dokumen

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA MK-PERB-01	MUKA SURAT : 29 / 68
		NO. KELUARAN : 02
		NO. PINDAAN : 00
		TARIKH KUATKUASA : 23 Sept 2011

ini juga akan muat naik dalam intranet. E-mel akan dihantar kepada semua anggota Perbendaharaan untuk memaklumkan mengenai perkara ini;

- g. Satu Senarai Induk Dokumen Kualiti Dalaman yang digunakan dalam Sistem Pengurusan Kualiti dan status terkini disediakan. Senarai ini dikemas kini dari semasa ke semasa apabila berlaku perubahan ke atas status dokumen-dokumen tersebut; dan
- h. Memastikan Dokumen Luaran yang pada pandangan Perbendaharaan Malaysia adalah perlu bagi perancangan dan operasi Sistem Pengurusan Kualiti dikenal pasti. Satu Senarai Induk Dokumen Luaran yang digunakan dalam Sistem Pengurusan Kualiti dan status terkini disediakan. Senarai ini dikemas kini dari semasa ke semasa apabila berlaku perubahan ke atas status dokumen-dokumen tersebut.

Pindaan Dokumen

- a. Setiap anggota Perbendaharaan boleh memberikan cadangan pindaan kepada dokumen kualiti. Cadangan pindaan mesti dikemukakan kepada Wakil Pengurusan dengan menggunakan Borang Cadangan Pindaan;
- b. Sebarang pindaan ke atas Manual Kualiti mendapat kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Manakala pindaan ke atas Prosedur Kualiti mendapat kelulusan Wakil Pengurusan;
- c. Semua pindaan yang dibuat dicatatkan di dalam Rekod Pindaan;
- d. Pindaan ke atas Manual Kualiti dibuat dengan menggantikan muka surat yang terlibat dengan pindaan dan no. pindaan ditambah dan tarikh kuatkuasa yang baru diberikan. Bagi pindaan yang melebihi 50%, keseluruhan dokumen diganti dan no. keluaran ditambah dan tarikh kuatkuasa yang baru diberikan;

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 30 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011
	MK-PERB-01		

- e. Pindaan ke atas Prosedur Kualiti dibuat dengan menggantikan keseluruhan dokumen dan no. keluaran ditambah serta tarikh kuatkuasa baru diberikan;
- f. Dokumen-dokumen yang telah dipinda diedarkan kepada pemegang-pemegang dokumen. Pindaan ini juga akan muat naik dalam intranet. E-mel akan dihantar kepada semua anggota Perbendaharaan untuk memaklumkan mengenai pindaan ini;
- g. Pemegang dokumen bertanggungjawab memasukkan semua pindaan dan mengeluarkan dokumen yang tidak terpakai serta memusnahkannya; dan
- h. Pengurus Dokumen akan menyimpan satu salinan dokumen asal yang belum dipinda untuk disimpan dan dokumen tersebut ditandakan "**BATAL**".

Pengurus Dokumen

Penolong Setiausaha (PA) 5 dilantik sebagai Pengurus Dokumen yang bertanggungjawab terhadap pengurusan dokumen kualiti. Penolong Pegawai Tadbir (PA) 1 dilantik sebagai Penolong Pengurus Dokumen bagi membantu dalam pengurusan dokumen kualiti.

Bagi tujuan mengawal dokumen Sistem Pengurusan Kualiti, Perbendaharaan Malaysia mewujudkan dan menyenggara prosedur Kawalan Dokumen.

Dokumen Berkaitan

PS.PERB - 02 - Kawalan Dokumen

4.2.4 Kawalan Rekod

- a. Rekod-rekod kualiti dan tempoh penyimpanannya dikenal pasti dalam setiap prosedur kualiti;

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 31 /68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011
		MK-PERB-01	

- b. Tatacara bagi mengawal, mengenal pasti, menyimpan, menyenggara, mendapatkan semula, menentukan tempoh penyimpanan, dan menentukan kaedah melupuskan rekod didokumenkan dalam prosedur Kawalan Rekod; dan
- c. Pelupusan rekod-rekod kualiti dibuat mengikut Surat Pekeliling Am Bil. 1/1997.

Dokumen Berkaitan

- | | | |
|------------------------|---|--|
| PK.PERB (BAC) - 01 | - | Penyediaan Buku Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan |
| PK.PERB (P) – 01 | - | Pengurusan Pinjaman Kerajaan Persekutuan |
| PK.PERB (E) - 01 | - | Penyediaan Laporan Ekonomi Tahunan |
| PK.PERB (LPK) - 01- 02 | - | Latihan Pengurusan Kewangan <i>In-Situ</i> dan <i>Hands-On</i> |
| PK.PERB (A) - 01 | - | Pengurusan Permohonan Pelupusan Aset Alih Kerajaan |
| PK.PERB (K) - 01 - 04 | - | Pengurusan Kereta Konsesi |
| PS.PERB - 01 - 12 | - | Pengurusan dan Sokongan |

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 32 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
	MK-PERB-01	TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011

Seksyen 5 – Tanggungjawab Pengurusan

5.1 Komitmen Pengurusan

Ketua Setiausaha Perbendaharaan memberi komitmen dalam membangun, melaksana dan menambah baik secara berterusan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti dengan cara :

- a. Menyampaikan kepada semua kakitangan mengenai pentingnya bagi organisasi memenuhi kehendak pelanggan serta mematuhi keperluan peraturan dan perundangan;
- b. Mewujudkan dasar kualiti;
- c. Mewujudkan objektif-objektif kualiti;
- d. Menjalankan Kajian Semula Pengurusan; dan
- e. Memastikan sumber yang perlu disediakan.

5.2 Tumpuan Kepada Pelanggan

Ketua Setiausaha Perbendaharaan bertanggungjawab memastikan kehendak pelanggan Perbendaharaan Malaysia dikenalpasti dan dipenuhi dengan tujuan meningkatkan kepuasan hati pelanggan. Piagam pelanggan disediakan bagi menentukan tahap perkhidmatan yang diberikan.

Prestasi Sistem Pengurusan Kualiti Perbendaharaan Malaysia diukur melalui penilaian ke atas kepuasan hati pelanggan. Peti Cadangan disediakan untuk menerima cadangan dan aduan pelanggan bagi menilai tahap kepuasan hati

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 33 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
	MK-PERB-01	TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011

pelanggan. Di samping itu, tinjauan dijalankan bagi menilai tahap kepuasan hati pelanggan dari masa ke masa.

Dokumen berkaitan

PS.PERB - 09 - Pengurusan Aduan dan Maklum Balas Pelanggan

5.3 Dasar Kualiti

Ketua Setiausaha Perbendaharaan :

- Menggubal dasar kualiti seperti di para 3.2 yang mengandungi komitmen Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk mematuhi keperluan dan meningkatkan Sistem Pengurusan Kualiti secara berterusan selaras dengan misi dan visi;
- Menggunakan dasar kualiti ini sebagai asas untuk mewujudkan dan menyemak semula objektif kualiti seperti di para 3.3 di Bahagian 3;
- Menyebarkan dan memberi kefahaman mengenai dasar kualiti ini kepada semua anggota organisasi; dan
- Mengkaji semula dasar kualiti ini melalui Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan untuk memastikan kesesuaian dan keberkesanannya berterusan.

5.4 Perancangan

5.4.1 Objektif Kualiti

Ketua Setiausaha Perbendaharaan menetapkan objektif kualiti seperti di para 3.3 di Bahagian 3.

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 34 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011
	MK-PERB-01		

5.4.2 Perancangan Sistem Pengurusan Kualiti

Ketua Setiausaha Perbendaharaan memastikan :

- a. Sistem Pengurusan Kualiti dilaksanakan seperti mana yang didokumenkan dan objektif kualiti yang ditetapkan dapat dicapai. Dalam membuat perancangan Sistem Pengurusan Kualiti, Ketua Setiausaha Perbendaharaan mengambilkira perkara-perkara berikut :
 - i. Kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan;
 - ii. Tanggungjawab dan kuasa bagi melaksanakan perancangan dan penambahbaikan proses;
 - iii. Sumber yang diperlukan seperti kewangan, infrastruktur dan persekitaran yang sesuai;
 - iv. Petunjuk prestasi bagi menilai pencapaian usaha penambahbaikan serta keperluan dan kaedah bagi mengusahakan penambahbaikan; dan
 - v. Dokumen yang perlu bagi melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti serta rekod-rekod hasil daripadanya.
- b. Sekiranya berlaku perubahan di dalam agensi, Wakil Pengurusan akan bertanggungjawab untuk mengenal pasti kesan perubahan-perubahan ini dan menentukan sama ada Sistem Pengurusan Kualiti yang didokumenkan perlu dipinda dan membuat demikian sekiranya perlu.

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 35 /68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011
	MK-PERB-01		

5.5 Tanggungjawab, Kuasa dan Komunikasi

5.5.1 Tanggungjawab dan Kuasa

- Ketua Setiausaha Perbendaharaan bertanggungjawab menentukan tugas, tanggungjawab dan kuasa semua staf yang terlibat dalam mengurus dan melaksana aktiviti-aktiviti yang mempunyai kesan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti; dan
- Tugas, tanggungjawab dan kuasa ini disembarkan kepada semua staf yang terlibat dalam Sistem Pengurusan Kualiti melalui Dokumentasi MS ISO 9001:2008, Fail Meja dan Senarai Tugas anggota organisasi.

5.5.2 Wakil Pengurusan

Ketua Setiausaha Perbendaharaan melantik Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan) sebagai Wakil Pengurusan. Wakil Pengurusan mempunyai peranan dan tanggungjawab seperti berikut : -

- Mewujud, melaksana dan menyelenggarakan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti;
- Melaporkan kepada pihak pengurusan atasan mengenai keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti dan sebarang keperluan penambahbaikan;
- Berurusan dengan pihak luar mengenai perkara-perkara berkaitan dengan Sistem Pengurusan Kualiti; dan
- Memastikan aktiviti berkaitan dengan kesedaran terhadap kehendak pelanggan sentiasa dilaksanakan di kalangan anggota organisasi yang terlibat dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti.

SALINAN TIDAK TERKAWAL

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA MK-PERB-01	MUKA SURAT	: 36 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011

Ketua Setiausaha Perbendaharaan juga melantik Setiausaha Bahagian Dasar Saraan, Wang Awam dan Khidmat Pengurusan sebagai Timbalan Wakil Pengurusan bagi membantu Wakil Pengurusan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang dinyatakan di atas. Surat pelantikan Wakil Pengurusan dan Timbalan Wakil Pengurusan yang menyatakan tanggungjawab mereka disediakan.

5.5.3 Komunikasi Dalam Organisasi

Ketua Setiausaha Perbendaharaan menyampaikan maklumat mengenai keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti kepada semua anggota organisasi melalui mesyuarat, perhimpunan, buletin, laman web dan siaraya.

5.6 Kajian Semula Pengurusan

5.6.1 Am

Ketua Setiausaha Perbendaharaan bertanggungjawab untuk :

- a. Mengadakan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan sekurang-kurangnya dua kali setahun bagi memastikan Sistem Pengurusan Kualiti terus sesuai dan berkesan. Kajian semula ini meliputi penilaian ke atas peluang-peluang penambahbaikan dan keperluan membuat perubahan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti termasuk perubahan ke atas dasar dan objektif kualiti;
- b. Menentukan keanggotaan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan seperti berikut:

Pengerusi : Ketua Setiausaha Perbendaharaan
 Setiausaha : Wakil Pengurusan
 Ahli-ahli : Semua SUB dan Ketua UKK serta lain-lain pegawai yang dikenali dan dijemput dari masa ke semasa

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA		MUKA SURAT	: 37 /68
			NO. KELUARAN	: 02
			NO. PINDAAN	: 00
	MK-PERB-01		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011

- c. Memastikan keputusan yang dibuat dalam mesyuarat diminitkan dan Wakil Pengurusan bertanggungjawab untuk memastikan tindakan susulan diambil ke atas keputusan mesyuarat.

Dokumen berkaitan

PS.PERB - 01 - Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan

5.6.2 Input Kepada Kajian Semula Pengurusan

Agenda Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan merangkumi :

- Tindakan susulan ke atas Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan yang lepas;
- Pencapaian dasar dan objektif kualiti;
- Penemuan Audit Dalam dan Audit Luar;
- Aduan dan maklum balas pelanggan;
- Prestasi proses penghasilan dan penyampaian produk atau perkhidmatan secara keseluruhan;
- Status tindakan pembetulan dan pencegahan;
- Perubahan yang boleh memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti;
- Cadangan penambahbaikan; dan
- Keperluan dan keberkesanan latihan.

Dokumen berkaitan

PS.PERB - 01 - Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 38 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011
	MK-PERB-01		

5.6.3 Output Kajian Semula Pengurusan

Mesyyarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) bertanggungjawab membuat keputusan mengenai perkara-perkara berikut :

- Peningkatan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti dan proses-prosesnya;
- Peningkatan kualiti produk atau perkhidmatan selaras dengan keperluan pelanggan; dan
- Sumber-sumber yang diperlukan.

Wakil Pengurusan bertanggungjawab untuk memastikan keputusan-keputusan Mesyyarat Kajian Semula Pengurusan dilaksanakan dan memantau pelaksanaan dan rekod Mesyyarat Kajian Semula Pengurusan disimpan dan diselenggara.

Dokumen Berkaitan

PS.PERB - 01 - Mesyyarat Kajian Semula Pengurusan

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 39 /68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011
	MK-PERB-01		

Seksyen 6 – Pengurusan Sumber

6.1 Bekalan Sumber

Perbendaharaan Malaysia merancang, mengenalpasti dan mendapatkan sumber-sumber yang mencukupi seperti berikut untuk melaksana dan menyenggara Sistem Pengurusan Kualiti dan meningkatkan keberkesanannya secara berterusan supaya sentiasa dapat memenuhi kehendak pelanggan:

- Bilangan staf yang mencukupi;
- Staf yang terlatih;
- Peruntukan kewangan yang mencukupi;
- Peralatan dan infrastruktur pejabat yang sesuai; dan
- Persekitaran kerja yang kondusif.

Prestasi belanjawan Perbendaharaan Malaysia akan dinilai setiap tiga bulan melalui Mesyuarat JPKA dan Laporan Suku Tahun. Tindakan penyelarasan akan diambil, sekiranya perlu.

Dokumen Berkaitan

PS.PERB - 04 - Penyediaan Anggaran Belanjawan Mengurus Tahunan

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA MK-PERB-01	MUKA SURAT	: 40 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011

6.2 Sumber Manusia

6.2.1 Am

Perbendaharaan Malaysia memastikan anggota yang melaksanakan tugas yang ada memberi kesan terhadap pematuhan kepada keperluan produk atau perkhidmatan adalah kompeten berasaskan proses pendidikan, latihan, kemahiran dan pengalaman bagi memastikan Pengurusan Kewangan Negara berada di tahap yang berkualiti.

Dokumen Berkaitan

PS.PERB - 05 - Pengurusan Latihan

6.2.2 Kompetensi, Latihan dan Kesedaran

Perbendaharaan Malaysia :-

- Menentukan kompetensi yang perlu ada pada setiap anggota yang menjalankan tugas yang akan mempengaruhi keperluan kepatuhan kepada keperluan yang ditetapkan bagi produk atau perkhidmatan;
- Di mana perlu, memberi latihan atau mengambil tindakan lain untuk mencapai tahap kompetensi ini;
- Menilai keberkesanan tindakan yang telah diambil untuk mencapai tahap kompetensi yang dikenal pasti bagi setiap anggota;
- Memastikan setiap anggota sedar akan kepentingan tugas-tugasnya dan bagaimana mereka menyumbang kepada pencapaian objektif-objektif kualiti; dan

SALINAN TIDAK TERKAWAL

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 41 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011
	MK-PERB-01		

- e. Menyenggara rekod-rekod yang bersesuaian dengan pendidikan, latihan, kemahiran dan pengalaman anggota dalam Sistem Pengurusan Sumber Manusia.

Dokumen Berkaitan

PS.PERB - 05 - Pengurusan Latihan

6.3 Infrastruktur

Perbendaharaan Malaysia menentu, menyedia dan menyelenggara infrastruktur yang diperlukan bagi memastikan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan menepati keperluan yang ditetapkan.

Infrastruktur merangkumi:

- Tempat dan ruang kerja serta kemudahan yang berkaitan seperti perabot, hawa dingin dan lain-lain yang berkaitan;
- Peralatan yang meliputi perkakasan dan perisian yang diperlukan; dan
- Perkhidmatan sokongan seperti pengangkutan, alat komunikasi serta sistem maklumat.

Dokumen Berkaitan

PS.PERB - 07 - Penyenggaraan Peralatan Pejabat
PS.PERB - 08 - Penyenggaraan Aset ICT

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 42 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011
	MK-PERB-01		

6.4 Persekitaran Tempat Kerja

Perbendaharaan Malaysia menentukan dan mengurus persekitaran tempat kerja yang perlu bagi memastikan pematuhan kepada keperluan yang ditetapkan bagi produk atau perkhidmatan. Persekitaran tempat kerja meliputi keadaan fizikal, persekitaran dan faktor-faktor lain.

SALINAN TIDAK TERKAWAL

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA		MUKA SURAT	: 43 / 68
			NO. KELUARAN	: 02
			NO. PINDAAN	: 00
	MK-PERB-01		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011

Seksyen 7 – Proses Penghasilan dan Penyampaian Produk atau Perkhidmatan

7.1 Perancangan Bagi Proses Penghasilan dan Penyampaian Produk atau Perkhidmatan

Perbendaharaan Malaysia merancang dan mewujudkan proses-proses yang perlu dalam penghasilan dan penyampaian produk atau perkhidmatan kepada pelanggan. Proses-proses ini hendaklah selaras dengan proses-proses lain dalam Sistem Pengurusan Kualiti. Bagi merancang dan mewujudkan proses-proses berkenaan, Perbendaharaan Malaysia menetapkan perkara-perkara berikut :

- a. Objektif kualiti dan keperluan-keperluan produk atau perkhidmatan;
- b. Mewujudkan proses-proses dan dokumen-dokumen serta peruntukan sumber yang mencukupi;
- c. Pihak yang bertanggungjawab bagi menjalankan verifikasi, validasi, pemantauan, pengukuran, pemeriksaan dan pengujian serta peringkat-peringkat dimana ia perlu dijalankan dan kriteria atau ciri-ciri kualiti yang ditetapkan bagi memastikan produk atau perkhidmatan memenuhi keperluan yang ditetapkan ; dan
- d. Penyelenggaraan rekod-rekod yang diperlukan sebagai bukti pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti dan kepatuhan kepada standard MS ISO 9001: 2008.

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA MK-PERB-01	MUKA SURAT	: 44 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011

Dokumen Berkaitan

PK.PERB (BAC) - 01	-	Penyediaan Buku Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan
PK.PERB (P) – 01	-	Pengurusan Pinjaman Kerajaan Persekutuan
PK.PERB (E) - 01	-	Penyediaan Laporan Ekonomi Tahunan
PK.PERB (LPK) - 01 - 02	-	Latihan Pengurusan Kewangan <i>In-Situ</i> dan <i>Hands-On</i>
PK.PERB (A) - 01	-	Pengurusan Permohonan Pelupusan Aset Alih Kerajaan
PK.PERB (K) - 01 - 04	-	Pengurusan Kereta Konsesi
PS.PERB - 01 - 12	-	Pengurusan dan Sokongan

7.2 Proses-proses Yang Berkaitan Dengan Pelanggan

7.2.1 Menentukan Keperluan Produk atau Perkhidmatan

Perbendaharaan Malaysia mengenalpasti :

- Keperluan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberi melalui arahan dan permohonan serta khidmat selepas penyampaian;
- Keperluan pelanggan yang tidak dinyatakannya tetapi perlu disediakan;
- Keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan; dan
- Keperluan tambahan yang dirasakan perlu oleh Perbendaharaan Malaysia.

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 45 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011
		MK-PERB-01	

Dokumen Berkaitan

PK.PERB (BAC) - 01	-	Penyediaan Buku Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan
PK.PERB (P) – 01	-	Pengurusan Pinjaman Kerajaan Persekutuan
PK.PERB (E) - 01	-	Penyediaan Laporan Ekonomi Tahunan
PK.PERB (LPK) - 01 - 02	-	Latihan Pengurusan Kewangan <i>In-Situ</i> dan <i>Hands-On</i>
PK.PERB (A) - 01	-	Pengurusan Permohonan Pelupusan Aset Alih Kerajaan
PK.PERB (K) - 01 - 04	-	Pengurusan Kereta Konsesi

7.2.2 Semakan Semula Keperluan Produk atau Perkhidmatan

Perbendaharaan Malaysia menyemak semula keperluan-keperluan produk atau perkhidmatan yang hendak disampaikan. Penyemakan ini dibuat sebelum membuat komitmen untuk menyampaikan produk atau perkhidmatan tersebut kepada pelanggan. Semakan semula ini bagi memastikan:

- Semua keperluan produk atau perkhidmatan dikenal pasti;
- Jika terdapat perbezaan antara kehendak pelanggan dengan produk atau perkhidmatan yang hendak disampaikan ianya diatasi terlebih dahulu sebelum produk atau perkhidmatan diberikan serta dimaklumkan kepada pelanggan; dan
- Perbendaharaan Malaysia berkeupayaan untuk memenuhi keperluan produk atau perkhidmatan yang dikehendaki.

Semua rekod hasil daripada semakan semula dan tindakan-tindakan yang berkaitan dengannya diselenggara.

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA MK-PERB-01	MUKA SURAT	: 46 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
		TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011

Sekiranya terdapat perubahan ke atas produk atau perkhidmatan, Perbendaharaan Malaysia akan memastikan dokumen-dokumen yang berkaitan dengannya dipinda dan dimaklumkan kepada semua anggota yang terlibat dengan penghasilan produk atau perkhidmatan tersebut.

Dokumen Berkaitan

- PK.PERB (BAC) - 01 - Penyediaan Buku Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan
- PK.PERB (P) - 01 - Pengurusan Pinjaman Kerajaan Persekutuan
- PK.PERB (E) - 01 - Penyediaan Laporan Ekonomi Tahunan
- PK.PERB (LPK) - 01- 02 - Latihan Pengurusan Kewangan *In-Situ* dan *Hands-On*
- PK.PERB (A) - 01 - Pengurusan Permohonan Pelupusan Aset Alih Kerajaan
- PK.PERB (K) - 01 - 04 - Pengurusan Kereta Konsesi

7.2.3 Komunikasi dengan Pelanggan

Perbendaharaan Malaysia akan :

- a. Menyalurkan maklumat kepada pelanggan mengenai produk atau perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan melalui laman web, brosur dan lain-lain;
- b. Mengendalikan pertanyaan daripada pelanggan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan; dan
- c. Menerima dan merekodkan aduan dan maklum balas yang diterima daripada pelanggan.

	MANUAL KUALITI PERBENDAHARAAN MALAYSIA	MUKA SURAT	: 47 / 68
		NO. KELUARAN	: 02
		NO. PINDAAN	: 00
	MK-PERB-01	TARIKH KUATKUASA	: 23 Sept 2011

Dokumen Berkaitan

